

## NOVEL SILIR DAKSINA

### Tema

Tema novel ini ialah kekeluargaan. Haiqal dan keluarganya mengalami konflik yang berpunca daripada perceraian ibu bapanya. Dia tidak berpeluang untuk mengenali ayahnya kerana dipisahkan oleh ibunya.

### Persoalan

1. **Persoalan kasih sayang seorang ayah terhadap anak kandungnya.**  
Abdullah Kayan tidak pernah melupakan anaknya sejak mereka berpisah.
2. **Persoalan kasih sayang seorang anak terhadap ayah kandungnya.**  
Haiqal sangat menyayangi dan merindui ayahnya, tambahan pula dia tidak berpeluang untuk mengenali ayahnya hingga akhir hayat ayahnya itu.
3. **Persoalan keruntuhan rumah tangga memberi kesan terhadap emosi anak.**  
Emosi Haiqal tidak tenteram kerana tidak mendapat maklumat yang jelas tentang ayahnya daripada ibunya.
4. **Persoalan sikap mementingkan diri sendiri.**  
Ibu Haiqal mementingkan diri sendiri kerana dia langsung tidak membenarkan Abdullah Kayan berjumpa dengan Haiqal.
5. **Persoalan perpaduan kaum.**  
Tauke Ong yang berbangsa Cina hidup aman dan bahagia bersama-sama penduduk Melayu yang lain di Kampung Seri Purnama.
6. **Persoalan meneruskan legasi atau perjuangan ayah.**  
Abdullah Kayan berharap agar Haiqal meneruskan impiannya untuk menubuhkan Aksara (Akademi Sastera Rakyat) di Kampung Seri Purnama.
7. **Persoalan keburukan judi kepada masyarakat.**  
Tauke Ong dan keluarganya terpaksa berhijrah kerana harta peninggalan ayahnya telah habis dijual oleh abangnya yang kaki judi.
8. **Persoalan cinta akan budaya bangsa.**  
Abdullah Kayan berusaha untuk menghidupkan kumpulan zapin D'Purnama semula kerana sangat mencintai warisan Melayu.

### Teknik plot

Teknik dialog	- Cikgu Zam berbual-bual dengan Cikgu Latifah di dalam bilik guru tentang sikap malas mund-murid tahun enam di sekolah mereka.
Teknik imbas kembali	- Haiqal teringat akan reaksi Ratna yang tidak banyak berbual-bual dengannya sewaktu menemaninya menunggu bas ekspres di stesen bas.
Teknik imbas muka	- Abang Bidin memberitahu Haiqal bahawa empat atau lima tahun lagi pokok-pokok kelapa sawit di kebunnya itu perlu disulam.

**Watak dan Perwatakan**

Haiqal Hakimi (Watak utama)	<ol style="list-style-type: none"><li>a. Dia anak tunggal Abdullah bin Kayan dan Rafiqah. Dia mempunyai bapa tiri, iaitu Abdul Fatah dan seorang adik tiri perempuan bernama Nurul Asiyah.</li><li>b. Dia berusia 19 tahun dan sedang menunggu keputusan peperiksaan STPM.</li><li>c. Haiqal penyayang. Buktinya, dia menjawab dengan yakin bahawa dia menyayangi ibunya apabila ditanya oleh ibunya itu.</li><li>d. Dia juga prihatin akan nasib kawannya. Buktinya, dia memujuk Ratna yang menangis setelah gagal memperoleh keputusan yang baik dalam peperiksaan SPM dan menasihati Ratna agar terus berusaha.</li><li>e. Haiqal menghormati ibu bapanya dan orang lain. Buktinya, dia bercakap dengan mereka menggunakan bahasa yang sopan.</li><li>f. Selain itu, dia tegas dalam membuat keputusan. Buktinya, dia tetap masuk ke kelas sastera semasa tingkatan enam walaupun ibunya menyuruhnya masuk ke kelas ekonomi.</li><li>g. Dia juga bertanggungjawab. Buktinya, dia sanggup pergi ke kampung ayahnya meskipun tidak mengenali sesiapa dan tiada tempat tinggal demi memenuhi hasrat ayahnya yang ingin dia pulang ke sana.</li><li>h. Haiqal juga taat akan perintah agama. Buktinya, dia menunaikan solat subuh setelah sampai di stesen bas Batu Pahat pada pukul 5.30 pagi.</li><li>i. Dia juga berfikiran rasional. Buktinya, dia berfikir tentang buruk baik dia ke kampung ayahnya selama seminggu sebelum nekad memberitahu ibu dan ayah tirinya tentang keputusannya ke sana.</li></ol>
Abdullah bin Kayan	<ol style="list-style-type: none"><li>a. Abdullah bin Kayan ialah ayah kandung Haiqal Haqimi dan bekas suami Rafiqah.</li><li>b. Pekerjaannya adalah sebagai guru bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan Pendidikan Jasmani di Sekolah Kebangsaan Seri Purnama, Batu Pahat, Johor.</li><li>c. Dalam manuskrip tulisannya, nama wataknya ialah Cikgu Amirulnizam atau Cikgu Zam.</li><li>d. Dia bercerai dengan isterinya setelah tiga tahun berkahwin.</li><li>e. Dia amat meminati sastera dan berbakat dalam bidang tersebut. Buktinya, dia antara penulis yang hebat dan banyak mendapat pengiktirafan.</li><li>f. Dia penyayang. Buktinya, dia amat menyayangi anak tunggalnya, Haiqal Haqimi dan sering menatap gambar Haiqal yang ada dalam simpanannya.</li><li>g. Abdullah suka membantu orang lain. Buktinya, dia mempelawa Ai Ling menumpang keretanya ke sekoiah setiap hari supaya Ai Ling mudah ke sekolah.</li><li>h. Dia sangat perahsia. Buktinya, dia tidak pernah menceritakan masalah penyakit yang dihidapinya kepada sesiapa pun termasuk orang yang sangat rapat dengannya.</li><li>i. Dia berhemah tinggi. Buktinya, See Hwa memberitahu Haiqal bahawa ayahnya sangat baik dan disukai oleh semua orang.</li><li>j. Dia tabah, sabar, dan tenang. Buktinya, dia tabah, sabar, dan tenang menerima takdir dirinya yang tidak dapat bersama-sama anaknya.</li><li>k. Abdullah bin Kayan meninggal dunia kerana sakit.</li></ol>

Ong See Hwa	<ol style="list-style-type: none"><li>a. Ong See Hwa ialah anak bongsu Tauke Ong (Tauke Lim) dan Puan Khei (Mak Cik Kim).</li><li>b. Dalam manuskrip yang ditulis oleh Abdullah Kayan, nama watak Ong See Hwa ialah Ai Ling.</li><li>c. Umurnya 19 tahun dan sedang belajar di kolej di bandar Batu Pahat.</li><li>d. See Hwa meminati seni tari dan sastera Melayu sejak kecil. Buktinya, dia berkebolehan menari zapin dan suka membaca puisi Melayu.</li><li>e. Dia berhemah tinggi. Buktinya, dia meminta kebenaran daripada ayah dan ibunya untuk menumpang kereta Cikgu Abdullah ke sekolah dan pulang dari sekolah.</li><li>f. Dia amanah. Buktinya, dia mengirim manuskrip tulisan Abdullah kepada Haiqal seperti yang diamanahkan oleh Abdullah kepadanya.</li><li>g. Dia rajin dan ikhlas dalam melakukan sesuatu perkara. Buktinya, dia menguruskan bilik bacaan di dalam balai raya Kampung Seri Purnama secara sukarela setelah Cikgu Abdullah meninggal dunia.</li></ol>
-------------	--

## **Latar**

### **1. Latar tempat**

- a. Di dalam bilik Haiqal - Haiqal membaca manuskrip berkulit biru muda yang diterimanya.
- b. Di kawasan Pantai Batu Buruk, Kuala Terengganu - Ratna bertanyakan rancangan Haiqal sementara menunggu keputusan peperiksaan STPM.
- c. Di Pasar Payang, Kuala Terengganu - Haiqal membantu ibunya di salah sebuah kedai batik ibunya.
- d. Di banglo ibu Haiqal - Haiqal menyalakan hasratnya pergi ke kampung arwah ayahnya kepada ibu dan bapa tirinya.
- e. Di Sekolah Kebangsaan Seri Purnama, Batu Pahat, Johor - Ai Ling menunggu Cikgu Amirulnizam di kerusi batu di pondok bacaan untuk menumpang kereta gurunya itu.
- f. Di rumah Abdullah bin Kayan di Kampung Seri Purnama, Batu Pahat, Johor - Haiqal melihat sijil-sijil dan gambar ayahnya yang tergantung di dinding rumah itu.
- g. Di Warung Wak Min di Kampung Seri Purnama, Batu Pahat, Johor - Haiqal mengajukan rancangannya untuk mengadakan persembahan zapin di balai raya kampung tersebut kepada Pak Cik Bakar, Haji Salim, dan Wak Arif.
- h. Di balai raya Kampung Seri Purnama, Batu Pahat, Johor - Ketika pertama kali Haiqal masuk ke dalam balai raya itu, dia ditemani oleh Lazim dan See Hwa.
- i. Di Pekan Parit Raja, Batu Pahat, Johor - See Hwa dan Haiqal ke kedai buku kerana See Hwa ingin membeli novel.
- j. Di kawasan perkuburan di Kampung Seri Purnama, Batu Pahat, Johor - Haiqal mengusap-usap batu nisan di pusara arwah ayahnya.

### **2. Latar masa**

- a. Pada waktu pagi - Haiqal tiba di Stesen Bas Batu Pahat pada pukul 5.30 pagi.
- b. Pada waktu petang - Ai Ling dan Ai Ching datang ke rumah Cikgu Amirulnizam pada pukul 5.00 petang kerana Ai Ling hendak belajar cara mendeklamasikan sajak.
- c. Pada waktu malam - Haiqal diberitahu oleh ibunya bahawa "walid" bukanlah ayah kandungnya.
- d. 18 tahun - Tauke Lim menetap di Kampung Seri Purnama sudah hampir 18 tahun.

**3. Latar masyarakat**

- a. **Masyarakat remaja yang berakhlak mulia dan mempunyai jati diri** - Haiqal, See Hwa, Ratna, dan Lazim merupakan remaja yang berakhlak mulia.
- b. **Masyarakat peniaga dan usahawan** - Ratna menguruskan gerai minuman dan makanan di kawasan pantai Batu Buruk, ibu Haiqal pula memiliki butik dan kilang batik di Kuala Terengganu, manakala Wak Sakimin mengusahakan gerai minuman dan makanan di Kampung Seri Purnama.
- c. **Masyarakat kampung yang mengusahakan tanaman sara diri** - Tauke Lim mengambil upah menoreh getah di kebun ayah Abdullah selain menjual hasil tanaman orang kampung.
- d. **Masyarakat pendidik** - Cikgu Abdullah Kayan (Cikgu Amirulnizam), Cikgu Latifah, Ustazah Munirah, dan Cikgu Zanariah mengajar di Sekolah Kebangsaan Seri Purnama.
- e. **Masyarakat yang meminati bidang sastera Melayu** - Cikgu Abdullah Kayan banyak menulis sajak, cerpen, dan buku serta pandai mendeklamasi sajak.
- f. **Masyarakat yang meminati seni tari bangsa Melayu** - Cikgu Abdullah Kayan dan kumpulan tarian zapin D'Purnama mengadakan persembahan yang mempesonakan hadirin.
- g. **Masyarakat yang bersatu padu dan bekerjasama** - Penduduk Kampung Seri Purnama hidup bersatu padu dan saling bekerjasama.

**Nilai**

1. **Nilai kasih sayang**  
Haiqal sangat menyayangi ibunya dan ayah kandungnya, selain bapa tiri dan adik tirinya.
2. **Nilai Kerajinan**  
Abdullah Kayan rajin berusaha untuk menubuhkan kumpulan zapin D'Purnama semula setelah lebih 20 tahun kumpulan asalnya dibubarkan. Ratna rajin berusaha untuk berjaya dalam hidupnya setelah gagal dalam peperiksaan SPM.
3. **Nilai kerjasama**  
Penduduk Kampung Seri Purnama bekerjasama dalam menganjurkan majlis persembahan tarian zapin.
4. **Nilai semangat bermuafakat**  
Penduduk Kampung Seri Purnama mengamalkan semangat bermuafakat tanpa mengira bangsa dan agama.
5. **Nilai hormat-menghormati**  
Abdul Fatah, iaitu ayah tiri Haiqal menghormati pendirian Haiqal untuk mengenali kehidupan ayah kandungnya di Kampung Seri Purnama, Batu Pahat.
6. **Nilai keberanian**  
Abdullah Kayan sanggup menghadapi cabaran dalam hidupnya seperti berpisah dengan anaknya dengan tabah hati.
7. **Nilai kejujuran**  
Tauke Ong amanah dan ikhlas dalam menjaga tanah-tanah Abdullah Kayan di baruh dan di belakang rumahnya dengan baik.

**Pengajaran**

1. **Kita haruslah reda akan ketentuan Tuhan.**

Haiqal reda akan takdir hidupnya yang terpaksa berpisah dengan ayah kandungnya setelah ibu bapanya bercerai.

2. **Kita mestilah menghormati ibu bapa kita.**

Haiqal tetap menghormati ibunya walaupun ibunya tidak membenarkan dia ke kampung ayah kandungnya.

3. **Kita hendaklah berusaha dengan gigih supaya memperoleh kehidupan yang lebih baik.** Tauke Ong (Tauke Lim) gigih mencari wang dengan mengambil upah menoreh getah dan meraih hasil tanaman pendudukan kampung untuk dijual di pekan.

ANDREWCHOO.EDU.MY